



**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT JABATAN  
PERIKANAN MALAYSIA  
BERITA PERIKANAN HARI INI**

**7 Januari 2021  
23 Jamadilawal 1442H**

SENARAI AKHBAR	TAJUK
Utusan Malaysia	<ul style="list-style-type: none"><li>• Udang kara terlepas dari kolam ternakan</li></ul>
Berita Harian	<ul style="list-style-type: none"><li>•</li></ul>
Harian Metro	<ul style="list-style-type: none"><li>• Terpesona lengkok si laga</li></ul>
Kosmo I	<ul style="list-style-type: none"><li>•</li></ul>
Sinar Harian	<ul style="list-style-type: none"><li>•</li></ul>
The Star	<ul style="list-style-type: none"><li>•</li></ul>
New Straits Time	<ul style="list-style-type: none"><li>•</li></ul>
Nanyang Siang Pau	<ul style="list-style-type: none"><li>•</li></ul>
Malaysia Gazette	<ul style="list-style-type: none"><li>•</li></ul>
Harakah	<ul style="list-style-type: none"><li>•</li></ul>
Malaysia Dateline	<ul style="list-style-type: none"><li>•</li></ul>
Bernama	<ul style="list-style-type: none"><li>•</li></ul>
See Hua Daily News (Kuching)	<ul style="list-style-type: none"><li>•</li></ul>
Guan Ming Daily	<ul style="list-style-type: none"><li>•</li></ul>
The Borneo Post	<ul style="list-style-type: none"><li>•</li></ul>

JENIS AKHBAR							MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA	✓	KOSMO!	THE STAR		NANYANG SIANG PAU			
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN	THE SUN		ORIENTAL DAILY			
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES	THE MALAY MAIL		PELBAGAI			
KATEGORI LIPUTAN:		POSITIF		NEGATIF		NEUTRAL		30 7/1/2021



HASIL tangkapan udang kara yang terlepas dari kolam ternakan yang ditangkap penduduk di Batu 28 Kahang, Kluang, Johor, semalam.

## Udang kara terlepas dari kolam ternakan

**KLUANG:** Kejadian banjir baru-baru ini membawa rezeki terpijak kepada penduduk sekitar Batu 28 Kahang, di sini apabila sebuah kolam ternakan udang kara dinaiki air, sekali gus menyebabkannya terlepas ke kawasan sekitar.

Harga ternakan itu mencecah sehingga RM80 sekilogram berbanding harga pasaran sehingga RM120 sekilogram mengikut gred udang kara berkenaan.

Ia adalah kali kedua dialami penduduk berkenaan selepas kejadian banjir pada 2006 yang menyebabkan kawasan ternakan ikan tilapia merah dibanjiri dan ikannya terlepas ke ka-

wasan sama.

Penduduk, Mohd. Azhar Mashodi, 42, berkata, mereka sedia maklum mengenai keadaan di kolam ternakan itu dan sudah bersedia dengan jaring masing-masing walaupun menyedari ada risiko bermain air selepas banjir.

“Penduduk seperti berpesta ‘lobster’ kerana masing-masing tak mahu melepaskan rezeki terpijak ini sejak banjir mula reda sedikit.

“Saya baru sahaja datang ke sini pagi semalam dan dikira lambat sebab ramai rakan sekampung datang sejak malam kelmarin,” katanya.

JENIS AKHBAR					MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA	KOSMO !	THE STAR	NANYANG SIANG PAU			
BERITA HARIAN	SINAR HARIAN	THE SUN	ORIENTAL DAILY			
HARIAN METRO	✓ NEW STRAITS TIMES	THE MALAY MAIL	PELBAGAI			
KATEGORI LIPUTAN:		POSITIF	NEGATIF	NEUTRAL		18 7/1/2021

18

[www.hmetro.com.my](http://www.hmetro.com.my)

@hmetromy

Harian Metro



@hmetromy

Khamis 07.01.2021 | Harian Metro

## lokal

Bernama

Kluang

Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang dilaksanakan berikutan pandemik Covid-19, Mac lepas menyakiti hobi memelihara ikan laga mencetus fenomena malah ada dalam kalangan pencinta ikan itu bermukar kerjaya sebagai pengusaha.

Di halaman rumah di Jalan Haji Amir, Kampung Batu 7, Simpang Renggam, dekat sini, seorang pengusaha ikan laga, Mohd Faizal Khamis atau mesra dipanggil Ijal, 38, mengaku tidak menang tanggung melayan pelanggan yang bilang ikan hiasan itu malah adu antara pelangannya sanggup menghabisi masa dan pulang ikan itu supaya ia benar-benar terbaik.

Dengan berkerusi roda, Ijal yang bergelar orang kurang upaya (OKU) akibat penyakit saraf sejak usia 11 tahun berkata, ikan laga atau betta yang saiznya cuma sebesar jari kelengkeng itu, bukan sahaja ada lengkok pergerakan mengasyikkan pencintanya, malah memberikan pulangan lumayan kepada pengusaha.

"Hobi beli ikan laga dalam kalangan masyarakat memuncak pada 2016, namun ketika PKP, hobi ini mendapat sambutan lebih dahsyat kerana orang ramai ada banyak masa di rumah sehingga saya tidak mampu membekalkan ikan dalam kuantiti banyak."

"Dalam beberapa bulan kebelakangan, saya sangat seronok apabila melihat ramai orang datang membeli balik ikan, malah ada yang datang seawal 9.00 pagi dan pulang 7.00 petang semata-mata mahu memilih ikan," katanya, baru-baru ini.

Ijal berkata pembabitannya bermula sekadar hobi pengumpulan haiwan itu pada 2007 sebelum membiakkannya secara serius dan komersial pada 2013, hasil pembacaan teknik ternakan ikan itu secara dalam talian



Saya juga tidak jual ikan secara pos kerana tidak mahu menanggung risiko.  
Mohd Faizal



MOHD FAIZAL memeriksa ikan laga yang ditemui di kebun mininya di halaman di rumahnya di Kampung Batu 7, Simpang Renggam.



MOHD FAIZAL membersih dan menutup air balang kaca yang menempatkan ikan laga.

## Terpesona lenggok si laga

Peminat ikan hiasan semakin bertambah sejak PKP buka rezeki kepada pengusaha OKU



naan, sekali gus kini menjadikan kebun minyai pembiakan ikan itu termasuk ternakan makannannya iaitu kutu air atau moina, yang dibakiakan dalam tangki air alga hijau (chlorella).

Ketika ini kebun minyai itu menempatkan 1,000 ikan laga matang dan anak ikan laga spesies Crown Tail, Half Moon, Giant serta Dum-bo.

Semua ikan laga matang diletakkan di dalam bekas seperti balang kaca atau botol plastik manakala anak ikan laga dibakiakan di dalam besen dan baldi.

Mengulas lanjut, Ijal ber-

kata ikan diusahakan melalui syarikat Steady Betta itu, dijual pada harga antara RM10 seekor dan boleh mencapai RM2,000 sepasang mengikut keistimewaannya.

Ijal mengakui spesies Crown Tail kerap menjadi pilihan pelanggan terutama dalam kalangan yang suka menyertai pertandingan.

Sering ber Kongsi tips penjagaan ikan laga dalam laman Facebooknya - Atok Steady, Ijal bersyukur usahanya mendapat sokongan selepas tular di Facebook sehingga mendapat perhatian

Ahli Parlimen Simpang Renggam, Dr Maszlee Malik, sekali gus memberikan bantuan simen bagi membuat lantai rak ikannya.

Turut dibantu dan dipantau Jabatan Perikanan Daerah Kluang, Ijal yang menganggotai kelab Johor Betta Fellow mempunyai ramai kenalan tempatan dan luar negara bagi berkongsi maklumat penjagaan ikan laga termasuk Thailand, Brunei serta Vietnam.

"Saya juga tidak jual ikan secara pos kerana tidak mahu menanggung risiko selain kekangan keupayaan diri," katanya sambil membezak ikan laga spesies Crown Tail Black Orchid berwarna hitam miliknya.

Ibarat langit tidak selalu cerah, Ijal berkata, pembibitan ikan laga mempunyai cabaran apabila dia perlu membuat ratusan ikan akibat diserang penyakit telur' disebabkan perubahan cuaca sehingga ikan diserang parasit pada badan dan siripnya.

"Punca penyakit itu merbak apabila saya terkongsi

sikan penyauk ikan dicelup dari balang ikan dijangkiti penyakit ke balang ikan sihat.

"Penyakit ini cepat merebak, dalam tempoh tiga hari sahaja ikan jadi lemah. Keadaan awal serangan kita boleh letak garam kasar ke dalam balang ikan sebagai usaha merawatnya," katanya.

Dibantu ibunya, Mor Omar, 78, dan kakaknya, Rosie, 44, serta kadangkala mengupah pekerja bagi mengantikan air di dalam balang ikan, anak bongsu daripada 12 berdiri itu tidak menganggap kekurangan dirinya sebagai halangan berjaya.

"Nasihat saya kepada mereka yang ingin menternak ikan ini, ambil tahu teknik penjagaannya, pelbagai jenis spesies, warna, penyakit dan penggunaan daur ketapang.

"Kita juga kena jujur dengan pelanggan," kata Ijal yang memberi ikannya makan palet dua kali sehari iaitu pagi dan petang selain kutu air.

Untuk golongan senasib dengannya, Ijal menasihati mereka supaya hidup berdikari dan sentiasa mahu belajar sesuatu sekiranya mahu berjaya.

"Macam saya, dari tidak tahu apa-apa pada lapan tahun lepas, kini boleh menjadi penterak. Dari zero, sampai hero, katanya yang turut memiliki sijil pembuktian televisyen dan radio dari Pusat Latihan Perindustrian dan Pemulihran Bangi, Selangor.



ANAK ikan jenis Half Moon yang dihasilkan di dalam



IKAN laga Candy Guppy berlia prihatin mengawan dan bantulur.